

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B DATUK HAJAH NORAH BINTI
ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 10.3.2015

SOALAN :

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa berlakunya kekurangan guru-guru anak tempatan Sarawak yang berkelayakan untuk mengajar di Sarawak serta menyatakan bidang mata pelajaran secara khusus dan peratusan kekurangan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara prinsipnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi keutamaan bagi menempatkan guru kelahiran dari negeri Sarawak untuk mengisi kekosongan jawatan di negeri tersebut dan pada masa yang sama KPM perlu memastikan penempatan dan pertukaran guru dilaksanakan berdasarkan keperluan opsyen dan kekosongan perjawatan.

Sehingga 25 Februari 2015, terdapat seramai 20,912 orang atau 77.9 peratus guru berasal dari Sarawak berbanding keseluruhan 26,848 orang guru terlatih yang mengajar di sekolah-sekolah rendah di seluruh negeri Sarawak. Manakala di peringkat sekolah menengah pula,

daripada keseluruhan 15,969 orang guru terlatih, seramai 11,560 orang atau 72.4 peratus guru berasal daripada Sarawak.

KPM juga sedaya upaya cuba memastikan lebih ramai anak-anak Sarawak dilatih menjadi guru untuk berkhidmat di negari kelahiran mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan yang diterima daripada anak-anak Negeri Sarawak bagi mengikuti PPISMP di Institut Pendidikan Guru Ambilan Jun 2014 ialah 5,292 orang calon. Jumlah yang layak dipanggil Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) dan menepati syarat asas ialah 1,713 orang calon. Bilangan yang lulus UKCG dan dipanggil untuk tapisan terakhir iaitu temu duga adalah 665 orang calon. Dari jumlah ini, seramai 398 calon telah berjaya ditawarkan pengajian di IPG. Jika dibandingkan bilangan calon yang dipanggil temu duga dan bilangan calon yang berjaya menunjukkan **59.85 peratus calon anak Negeri Sarawak telah berjaya ditawarkan** kemasukan mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2014 di IPG KPM.

Antara sebab calon tidak ditawarkan adalah kerana tidak lulus beberapa tapisan kemasukan ke IPG selain bilangan calon yang terlalu ramai bertumpu kepada bidang-bidang tertentu sahaja. Manakala lebihan calon tidak dapat ditawarkan ke bidang lain atas sebab-sebab tidak mempunyai skor amali (Pendidikan Jasmani/Muzik/Pendidikan Islam/Bahasa Arab) dan tidak memenuhi syarat bidang lain.